



PERCUMA 14 - 21 Februari 2014, 14 - 21 Rabiulakhir 1435

PEKAWANIS
bantu wanita
Selangor maju

muka 4



Kafa Menengah
perkasa pendidikan
Islam

muka 15

KENALI ADUN ANDA
HASNUL BAHARUDDIN
N53 Morib

muka 6&7



Foto Oleh Asri Sapfie

MESRA...

Exco Pendidikan dan Pendidikan Tinggi; Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, bertanyakan sesuatu kepada pelajar, sewaktu merasmikan Kafa Menengah di Sekolah Rendah Agama Intergrasi Saujana Utama, Kuala Selangor

BERITA LANJUT
MUKA 15

OLEH MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Projek perumahan mampu milik (RMM) Rumah Selangorku akan dimulakan tahun ini bagi memenuhi keperluan kediaman rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata projek perintis Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) itu akan dilancarkan pada 22 Februari depan dan kerja-kerja pembinaan dijangka bermula dalam tempoh enam bulan selepas kelulusan pembangunan dan perlantikan kontraktor selesai.

"Projek Perintis Rumah Selangorku ini mengandungi lapan blok yang akan dibina dalam empat fasa dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh enam tahun setengah.

"Kos keseluruhan Projek Perintis Rumah Selangorku ini dianggarkan berjumlah RM591

Lebih 5,000 unit dalam perancangan

Selangor bina Rumah Mampu Milik tahun ini

Projek Perintis Rumah Selangorku ini mengandungi lapan blok yang akan dibina dalam empat fasa dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh enam tahun setengah

ABDUL KHALID
Menteri Besar

juta termasuk kos membina jalan keluar masuk, menaik taraf surau menjadi masjid, membina sistem pembentungan dan naik taraf sistem perpaipan," kata Abdul Khalid, menerusi kenyataan media.

Isu perumahan rakyat berpendapatan rendah dan sederhana menjadi isu yang sengit dibincangkan hari ini, ekoran kegagalan ekonomi di bawah pemerintahan BN mengangakat kemampuan golongan itu memiliki kediaman pada harga berpatutan.

Projek Rumah Selangorku ini akan dibangunkan di tanah

seluas 28 hektar milik Pembedaan Menteri Besar (MBI) di Sungai Sering, Hulu Klang.

Lebih 2,000 unit rumah akan dibina secara cepat melalui kaedah pasang siap, dan terdiri daripada tiga jenis keluasan iaitu 800 kaki persegi, 900 kaki persegi dan 1,000 kaki persegi.

"Kerajaan Selangor memperuntukkan RM100 juta menggunakan rizab tunai negeri bagi melaksanakan projek ini seperti yang telah diumumkan pada pembentangan Belanjawan 2014," jelas Abdul Khalid.

Rumah Selangorku sebahagian daripada 5,000 unit RMM yang disasarkan dibina bagi tempoh 5 tahun sehingga 2018, daripada sasaran 35,000 unit RMM keseluruhannya.

Abdul Khalid berkata, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) juga akan terus melaksanakan tanggungjawab sosial membina RMM menerusi Program Pemilihan Ruman Idaman Negeri Selangor atau IDAMAN PKNS.

Antara RMM yang siap dibina adalah di Bukit Botak, Selayang dan Seksyen 3, Bandar Baru Bangi.

Liga Malaysia 2014

Sultan: Jangan timbulkan kekecohan

SHAH ALAM - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah supaya para pegawai, pemain dan penyokong bola sepak Selangor tidak menimbulkan kekecohan ketika perlawanan Liga Malaysia terutama apabila beraksi di gelanggang sendiri.

Titah Sultan Selangor itu dinyatakan kepada Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Rosmah Mohd Ibrahim.

"Baginda meminta supaya kita sebagai tuan rumah sentiasa menghormati tetamu, iaitu pemain dan penyokong

pasukan dari negeri lain yang datang ke stadium kita," kata Rosman dipetik dari Laman Sesawang Persatuan Bola Sepak Selangor.

Liga Malaysia 2014 yang baru sebulan berlangsung menimbulkan sedikit kekecohan apabila berlaku in-

siden pergaduhan melibatkan segelintir penyokong Pahang dan kelab Johor Darul Takzim (JDT) di luar stadium baru-baru ini.

"Titah baginda lagi, pegawai dan pemain terutamanya jangan menimbulkan kekecohan di atas padang kerana pe-

nyokong akan mengikut sama apa yang dilakukan," kata Rosman.

Selangor kini berada di tangga teratas Liga Super dengan sembilan mata dan bertemu JDT di Stadium Tan Sri Hassan Yunus, Larkin pada 15 Februari.

Tiga Exco diarah pantau

Siasatan dapati salah laku dana PHSB

SHAH ALAM - Siasatan awal ke atas pengurusan kewangan PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB) mendapati berlakunya salah laku tatacara dan perbelanjaan dana Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) oleh anak syarikat itu sepanjang enam tahun ia beroperasi.

Perkembangan itu didedahkan Pengurus Besar PKNS, Azlan Alfiah kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 12 Februari lepas.

Justeru, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengarahkan Exco Iskandar Samad dan Exco Teng Chang Khim, yang juga ahli lembaga PKNS, dan Exco Rodziah Ismail untuk memantau perkara ini.

"Pemantauan ini melibatkan dana perbelanjaan untuk pasukan bola sepak PKNS sebanyak RM9 juta setahun, pembangunan usahawan sebanyak RM5 juta setahun dan perbelanjaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebanyak RM30 juta setahun," jelas Abdul Khalid.

Perkembangan ini menyusuli tindakan PKNS menamatkan perkhidmatan kira-kira 20 pekerja kontrak PHSB dalam proses penstrukturan semula syarikat milik Kerajaan Negeri itu. Siasatan keatas PHSB mendapati pekerja mereka yang dikontrakkan kepada PKNS bertindih tugas dengan pegawai tetap syarikat induk.

Abdul Khalid memberitahu kos kontrak pekerja-pekerja terbabit sahaja menelan kos kira-kira RM7 juta.

Kenyataan media Menteri Besar itu juga memberitahu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) turut menyiasat dakwaan salah guna dana untuk pasukan bola sepak.

"Kami akan pantau perkembangan PKNS dengan teliti untuk memastikan sumber-sumber syarikat diuruskan se-

“

Kami akan pantau perkembangan PKNS dengan teliti untuk memastikan sumber-sumber syarikat diuruskan secara profesional

ABDUL KHALID

Menteri Besar

cara profesional," tegas Abdul Khalid.

PKNS menerjah ke laman utama media selepas Adun Bukit Antarabangsa, Azmin Ali, digugurkan daripada lembaga secara meragukan oleh Pengurus Besar sebelum ini, Datuk Othman Omar.

Kedudukan Othman digantikan dan kini disiasat Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi.

Selangor Kini difahamkan perkhidmatan Othman diperbaharui setiap bulan sehinggalah pengguguran Azmin berlaku.

Tempoh terakhir Othman di PKNS menyaksikan badan itu bergelut dengan kerugian selepas Nusa Gapurna Development Sdn Bhd menjual pegangannya dalam projek usahasama PJ Sentral kepada Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB).

Berhubung perkara itu, Abdul Khalid dilaporkan berkata, urus niaga antara Nusa Gapurna dan MRCB berlaku tanpa pengetahuan PKNS.

"Selama ini PKNS menjadi rakan kongsi lelap tanpa menjadi ahli dalam draf perancangan projek, dan menyebabkan PKNS tidak tahu strategi dan taktik niaga yang digunakan oleh rakan kongsi," kata Abdul Khalid.

Segera lapor jika dapati ada pembakaran terbuka



Pembakaran terbuka yang tidak terkawal boleh menyebabkan jerebu

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri menyuruh orang ramai tidak melakukan sebarang pembakaran terbuka bagi mengelakkan keadaan berjerebu semasa cuaca panas yang melanda negara semakin buruk.

Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong (**gambar**), berkata pembakaran terbuka bukan sahaja menyumbang kepada peningkatan suhu panas, tetapi juga kejadian jerebu.

"Kejadian pembakaran terbuka ini boleh berlaku sama ada secara sengaja, kecuaiian atau tidak sengaja.

"Saya harap orang ramai cuba elakkan pembakaran terbuka ini sewaktu menguruskan sampah termasuk sampah kebun, pembersihan tanah dan sebagainya kerana ia tidak dibe-

narkan," tegas Elizabeth dalam sidang media sesuai Mesyuarat Exco, baru-baru ini.

Untuk bulan Februari ini sahaja, terdapat 62 kes pembakaran terbuka di tujuh daerah dilaporkan di seluruh Selangor dengan 15 kes berjaya diselesaikan sementara 47 kes lagi masih belum diselesaikan.

Kes pembakaran terbuka ini paling banyak dilaporkan di Klang dengan 25 kes diikuti daerah Petaling (10 kes), Sepang dan Hulu Langat dengan 8 kes masing-masing, Hulu Selangor dan Gombak (5 kes) dan Kuala Langat (1).

Masyarakat diminta memberi kerjasama melaporkan sebarang kejadian pembakaran terbuka kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) atau Jabatan Alam Sekitar.

"Sesiapa yang tertangkap dan didapati bersalah boleh didenda sehingga RM500,000 dan boleh dijatuhkan hukuman penjara selama lima tahun," katanya.



Kebertanggungjawaban jadi keutamaan - MB

OLEH LIZAWATI MADFA

KUALA LUMPUR - Dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah sebagai seorang Menteri Besar, tumpuan sepenuhnya untuk kepentingan rakyat dan bukan segelintir individu walaupun mereka bergelar kawan, kata Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau berkata, sebagai pemimpin tertinggi negeri ini, beliau memimpin berasaskan prinsip kebertanggungjawaban yang menjadi asas perjuangan PR.

Katanya, setiap pihak seharusnya memahami tugas seorang Menteri Besar yang bekerja keras demi kemajuan dan kesejahteraan rakyat.

"Sepertimana yang saya lafazkan dalam sumpah di hadapan DYMM Sultan Selangor (Sultan Sharafuddin Idris Shah), saya perlu jalankan tanggungjawab terhadap rakyat Selangor tanpa bezakan sesiapa termasuk mereka yang bergelar kawan," katanya yang ditemui pada Majlis Sambutan Tahun Baru Cina di Bandar Tun Razak, baru-baru.

Mengulas desakan beberapa pihak supaya menarik balik keputusan untuk tidak melanjutkan perkhidmatan 20 pekerja kontrak PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB), Abdul Khalid, berkata tindakan itu dibuat mengikut proses dan keperluan yang betul.

"Kita tidak akan tarik balik dan kita juga tidak akan minta



Menteri Besar meneliti gambar kuda yang menjadi simbol perayaan Tahun Baru Cina sambil diperhatikan Exco Selangor **Bawah: Orang ramai mengambil peluang bersalaman dengan Menteri Besar**

maaf kerana penamatan kontrak pekerja-pekerja ini dilakukan mengikut tatacara yang betul, sama seperti yang sering berlaku dalam syarikat lain selama ini.

"Jika ada antara pekerja dalam sistem kontrak ini merasakan mereka diperlakukan secara tidak adil, mereka boleh ke mahkamah industri.

"Sudahlah, jangan buka lagi cerita ini. Kalau tidak, kepentingan rakyat Selangor dan kepentingan PKNS diabaikan kerana kehendak beberapa orang saja dan ini tidak boleh," katanya lagi.



Jawatankuasa Tatatertib Kerajaan Negeri sedang teliti



SHAH ALAM - Jawatankuasa Tatatertib Kerajaan Negeri sedang meneliti maklum balas yang dikemukakan bekas Pengurus Besar Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Datuk Othman Omar dan Setiausaha Kerjanya, Norita Mohd Ishak.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohammed Khusrin

Munawi (**gambar**), berkata maklum balas itu bagi menjawab surat tunjuk sebab dikemukakan jawatankuasa berkenaan kepada dua bekas pegawai isu pengguguran Adun, Azmin Ali sebagai Ahli Lembaga Pengarah PKNS.

"Jawatankuasa Tatatertib sedang menilai jawapan mereka untuk menentukan sama

ada wujud 'prima facie' atau sebaliknya.

"Jika ia tidak wujud, kes ini akan dilepaskan dan jika ada kita akan keluarkan surat untuk perbincangan," katanya memetik laporan sebuah akhbar tempatan.

Menurut Khusrin, siasatan itu dijangka selesai hujung bulan Februari ini.

"Siasatan akan mengambil masa lebih panjang kerana ia membabitkan kakitangan kerajaan.

Kita perlu ingat, kakitangan kerajaan berbeza dengan kakitangan swasta, kerana ia terikat dengan tempoh prosedur yang ditetapkan," kata beliau lagi yang mengetuai jawatankuasa itu.

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim menafikan dakwaan se-setengah pihak bahawa rizab Kerajaan Negeri akan digunakan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang.

Sebaliknya, Abdul Khalid menegaskan beliau mengeluarkan wangnya sendiri untuk melancarkan kempen bagi PRK berkenaan.

Katanya, pihak yang tidak berpuas hati boleh melantik badan tertentu untuk menyasiat

“

Boleh panggil kumpulan bebas untuk pantau. Kita ada ketelusan dalam pentadbiran. Kalau kata wang digunakan untuk tujuan lain, mereka boleh siasat. Saya bagi duit sendiri bukan duit negeri. Kalau kita gunakan duit rakyat bererti kita tidak prihatin kepada rakyat

ABDUL KHALID
Menteri Besar

MB keluar duit sendiri untuk PRK Kajang

kesahihan perkara terbabit.

“Boleh panggil kumpulan bebas untuk pantau. Kita ada ketelusan dalam pentadbiran. Kalau kata wang digunakan untuk tujuan lain, mereka boleh siasat.

“Saya bagi duit sendiri bukan duit negeri. Kalau kita gunakan duit rakyat bererti kita tidak prihatin kepada rakyat,” katanya pada sidang media selepas pelancaran jentera wanita PKR, di Taman Koperasi Cuepacs, baru-baru ini.

Beliau berkata, jentera PKR sudah bersiap sedia bertempur dalam PRK terbabit dan yakin dengan pengundi Kajang boleh menilai kepimpinan negeri dalam tempoh beberapa tahun ini.

“Saya percaya pengundi Kajang mengenali Kerajaan Negeri kerana kita mempunyai pelbagai program MES. Ini membuktikan Kerajaan Negeri sangat prihatin dengan kebajikan rakyat, di samping memberikan pembangunan terbaik untuk rakyat Selangor,” katanya.

Sementara itu, Abdul Khalid yang juga Pengarah PRK



Menteri Besar dan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, sewaktu pelancaran jentera wanita PKR, di Taman Koperasi Cuepacs

Kajang akan memanggil setiap komponen Pakatan Rakyat (PR) untuk membantu kempen pilihan raya terbabit.

“Kita akan panggil semua,

bukan sahaja daripada PKR dan DAP tetapi mahu semua pimpinan Sabah dan Sarawak untuk membantu kita supaya mereka ada pengalaman. Saya

rasa tahun depan akan ada pilihan raya di Sarawak dan kita akan gunakan kesempatan di Kajang untuk membantu di sana nanti,” katanya.

Tian Chua: Harap SPR tidak ‘lupa goncang’ dakwat kekal

SHAH ALAM - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) diingatkan supaya kontroversi dakwat kekal yang berlaku pada hari pengundian Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) tahun lalu tidak berulang dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang.

Naib Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Tian Chua (*gambar*), berkata SPR harus mempelajari dan memperbaiki banyak perkara daripada pelbagai kejadian kontroversi yang berlaku dalam PRU-13 yang dikatakan berlangsung dengan



penuh penipuan.

“Sudah lebih sembilan bulan berlalu sejak PRU-13 atau PRK terakhir di Sungai Limau lebih tiga bulan lalu. SPR mempunyai masa yang cukup memperbaiki kelemahan seperti dakwat kekal dan saya berharap SPR tidak ‘lupa’ untuk goncang secukupnya kali ini.

“Begitu juga dengan pengundi hantu dan isu lain yang tidak selesai walaupun SPR berpengalaman mengendalikan PRU 13 kali dan PRK pula tidak terkira,” katanya ketika

dihubungi Selangor Kini, di sini, baru-baru ini.

PRU-13 lalu mencatatkan sejarah paling banyak kontroversi termasuk isu dakwat kekal, pengundi dipercayai warga asing, agen calon tidak dibenarkan berada di dewan ketika pengiraan undi, tidak dibekalkan borang 14, serta keputusan diumumkan berbeza daripada borang 14 dan pelbagai kontroversi lain.

Dalam isu penggunaan dakwat kekal, sebelum ini SPR memberikan alasan dakwat itu tidak digoncang secukupnya menyebabkan kesan dakwat itu boleh ditanggal dengan cecair pencuci pinggan mangkuk.

Wanita PKR perlu agresif bantu tingkat undi

SHAH ALAM - Pengarah Pilihan Raya Wanita PKR, Haniza Talha, mahu jenteranya bergerak secara agresif sebaik tempoh kempen bermula dan bertemu pengundi wanita bertujuan meningkatkan undi golongan itu.

Beliau berkata, jentera wanita sudah bersedia berdepan dengan cabaran pilihan raya.

“Pelancaran jentera wanita pilihan raya yang dilancarkan malam ini menggambarkan komitmen bersama dalam memenangi calon. Langkah SPR mengumumkan tarikh mengundi yang lewat memberikan kemenangan moral bahawa Barisan Nasional (BN) tidak bersedia meletakkan calon,” katanya dalam sidang media selepas pelancaran jentera, di Kajang, baru-baru ini.

Haniza memberitahu fokus Wanita PKR buat masa ini adalah mengenali pengundi dan mengumpul maklum-balas penduduk. Hasil dari gerak-kerja itu akan diterjemahkan dalam siri program penerangan.

Pekawanis bantu wanita Selangor maju

BAGI memastikan wanita Selangor mencapai kemajuan, Pertubuhan Kebajikan dan Amal Wanita Selangor (Pekawanis) terus berusaha membantu golongan itu dalam pelbagai program bimbingan yang dijalankan.

Ditubuhkan pada 2008, Pekawanis merangka pelbagai aktiviti bagi membantu wanita kalangan berpendapatan rendah.

Yang Dipertua Pekawanis, Puan Sri Salbiah Tunut, berkata usaha itu adalah langkah membantu golongan wanita untuk keluar daripada kemelut kemiskinan.

LAPORAN KHAS
OLEH
HAFIZAN TAIB



"Kita banyak jalankan program dan aktiviti untuk membimbing wanita, termasuk ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah dalam menangani ekonomi yang kian menyempit hari ini.

"Ia dijalankan berterusan supaya mereka mampu berdikari dan menjana pendapatan.

"Bantuan turut diberikan kepada mereka yang kurang mampu. Sempena sambutan Tahun Baru Cina kali ini, kita beri sumbangan kepada 1,050 warga emas dan Orang Ke-

lainan Upaya (OKU) dari lima DUN di Selangor," katanya kepada Selangorkini.

Sejak 2008, Pekawanis membantu kepada lebih 10,000 orang sempena sambutan perayaan, termasuk Aidilfitri dan Deepavali.

Salah satu program dijalankan Pekawanis ialah Laman Dapur yang banyak membantu wanita di Selangor menjana pendapatan menerusi bidang petanian.

Program itu membantu peserta mendapat pengetahuan tambahan dalam bentuk kemahiran membuat baja dan menghasilkan tanaman berkualiti.

Ia dijalankan hasil kerjasama Jabatan Pertanian Selangor sejak 2009 menerusi bantuan bumi hijau dengan objektif menanam pokok dan mendapatkan hasil bagi meringankan be-

“

Kita banyak jalankan program dan aktiviti untuk membimbing wanita, termasuk ibu tunggal dan golongan berpendapatan rendah dalam menangani ekonomi yang kian menyempit hari ini

SALBIAH TUNUT
Yang Dipertua
Pekawanis



Pelbagai aktiviti dijalankan Pekawanis bagi memajukan wanita di Selangor

ban tanggungan.

Peringkat awal projek itu dibuat dengan Pekawanis menyalur bantuan bagi tanaman pokok serai, limau purut dan limau nipis.

Ia meningkat maju saban tahun dengan sistem penambahbaikan melalui bantuan kepada lebih ramai peserta, selain peruntukan geran Selangorku disediakan Kerajaan Negeri.

Peruntukan itu membolehkan Pekawanis membantu setiap peserta mendapat kira-kira RM2,700 dalam bentuk 250 poli beg dengan benih pokok selain kaedah penanaman lebih baik.

Pekawanis turut terbabit dalam program memberi khidmat bakti demi kebajikan 59 pesakit di Pusat Dialisis, Klang yang ditaja Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Pekawanis ditubuhkan berikutan pembubaran Badan Amal Kebajikan Isteri Selangor (Balkis) pada 2008.

Pekawanis bergerak sebagai badan bukan kerajaan (NGO) dengan bantuan disalurkan kepada golongan sasaran melalui peruntukan yang disediakan penaja.

Pertubuhan itu kini disertai kira-kira 48 ahli terdiri daripada isteri Menteri Besar, Adun Wanita dan isteri-isteri Adun dari seluruh Selangor.

"Selain itu, ia termasuk isteri bekas Adun serta terbuka kepada jemputan khas untuk menjadi ahli. Ketika ini semua isteri Adun dan bekas Adun adalah dari parti PKR, PAS dan DAP," kata Setiausaha Kehormat Noraini Shamsudin sambil menyatakan bekas ahli Balkis juga boleh menyertainya dengan membuat permohonan.

Kelanang tarikan baru selain Morib

OLEH NAEEM RAFFI

BANTING - Kayu-kayu bakau dan pepohonan yang tumbuh di sepanjang Pantai Kelanang menjadi tumpuan lensa penggemar fotografi dan pasangan pengantin baru. Bahkan kewujudannya menarik perhatian penggiat seni fileman dan muzik untuk kerja seni mereka.

Menyedari potensi Pantai Kelanang, Adun Morib, Hasnul Baharuddin terpenggal untuk mempromosikannya sebagai salah satu destinasi dalam kalendar pelancongan di Selangor.

“Saya yakin ia akan merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi Kuala Langat, terutamanya bagi masyarakat setempat,” katanya, ketika ditemui di Pusat Khidmat



Masyarakat (PKM) DUN Morib yang terletak di pekan Banting.

Dari Kuala Lumpur, pengunjung boleh menggunakan Lebuhraya Persekutuan sehingga ke Banting untuk ke sana. Perjalanannya mengambil masa kira-kira satu jam.

“Kita ada Pantai Morib, Bukit Jugra, dan pelbagai produk IKS.

Jadi Pantai Kelanang ini adalah pelengkap kepada satu percutian yang menarik,” jelasnya.

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menyediakan pelbagai kemudahan seperti surau, tandas, gerai makan, kiosk, pondok rehat dan tapak perkhemahan bagi mereka yang mahu mencari damai yang berbeza dari

pada kesesakan Pantai Morib, yang terletak 7 kilometer dari situ.

PESTA WAU TEGAK

Memulakan inisiatif ke arah itu, Hasnul berhasrat menganjurkan Pesta Wau Tegak bagi menarik penggemar permainan tradisi ke Pantai Kelanang. PKM DUN Morib sedang giat menyusun atur cara program dan menjangkakan pesta berkonsepkan keluarga itu akan berlangsung pertengahan tahun ini.

“PKM pernah menganjurkan pesta seumpama ini pada 2010. Kejayaan menarik ratusan pengunjung pada ketika itu membuatkan saya terfikir untuk melanjutkannya kepada satu pesta yang lebih terancang,” katanya.

Turut dicadangkan adalah pertandingan fotografi berkisarkan panorama menarik Pantai Kelanang. Gabungan elemen kreativiti dan teknik fotografi bagi penghasilan gambar tercantik akan diangkat sebagai pemenang.

Pihaknya juga bercadang menyelitkan acara ‘Larian Bukit Jugra’ pada temasya tersebut yang mana peserta akan dilepaskan dari Pantai Kelanang menuju garis penamat di puncak Bukit Jugra dengan jarak larian sejauh 5.5 km.

“Sekiranya pesta ini berjaya, saya yakin promosi mulut ke mulut dari mereka yang hadir selain peranan media yang dijemput pada hari itu akan meletakkan Pantai Kelanang di posisi pilihan untuk berkelah pada hujung minggu.

Pendidikan agenda utama perkasa insan

SELAIN program pembangunan fizikal dan infrastruktur, PKM DUN Morib memberi penekanan kepada pembangunan pendidikan.

Hasnul berkata, sejak beliau menggalas tugas sebagai penyelarasan DUN, pihaknya menggariskan pelbagai

program sokongan persekolahan dalam tentatif pembangunan pendidikannya.

Hasnul berkata, pihaknya kini dalam usaha memperhebatkan lagi program-program sedemikian.

“Sejak 2008 lagi pembangunan pendidikan ini dimulakan, pada awal tahun, kami anjurkan program ‘Smart Learning’ yang mana ia dibuka kepada pelajar menengah. Manakala pada hujung tahun, pelajar yang menduduki peperiksaan PMR dan SPM akan dilorongkan ke Program ‘Pecutan Akhir,’” jelasnya.

Mengulas lanjut berhubung kaedah pengambilan peserta untuk kedua-dua program tersebut, Hasnul berkata, pelajar yang menyertai Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) akan disalurkan terus ke program Smart Learning dan Pecutan Akhir, manakala sebahagian lagi akan diambil dari sekolah-sekolah sekitar Morib.

Matlamat utama pihaknya



Program Kembali Ke Sekolah untuk anak yatim kampung Kelanang

mencari pelajar yang sederhana adalah untuk melonjakkan pencapaian akademik mereka setidak-tidaknya dari ‘C’ kepada ‘B’.

“Kita punya kekangan tempat dan tenaga pengajar. Setakat ini kita anjurkan di Pusat Latihan Awam Selangor di Pantai Morib, ia hanya mampu memuatkan 200 peserta. Sekiranya sambutan menggalakkan, PKM bersedia untuk mencari lokasi baru yang lebih besar untuk menampung pertambahan peserta, katanya.

Dalam pembangunan pendidikan kerohanian pula, PKM dengan kerjasama masjid dan surau di DUN Morib menganjurkan Program ‘Smart Solat’ dan program Pengurusan Jenazah.

Menariknya, kesemua program tersebut adalah percuma dan dibuka kepada semua peringkat umur.



HASNUL BAHARUDDIN

Adun Morib

Asal : Kampung Kelanang, Banting
Status : Berkahwin (6 cahaya mata)

PENDIDIKAN

- Sarjana Muda Sains Farmasi dengan Kepujian (Universiti Sains Malaysia)

PENGALAMAN KERJA

- Ahli Farmasi di Hospital Pulau Pinang (1991)
- Ahli Farmasi di Farmasi Desa Nibong Tebal (1992)
- Farmasi Penawar Banting (1993-Sekarang)

PENGALAMAN POLITIK

- AJK PAS Kawasan Kuala Langat (2003-Sekarang)
- Calon PAS DUN Morib PRU ke-11
- Setiausaha PAS Kuala Langat (2009-2013)
- Pegawai Penyelarasan DUN Morib (2008-2013)
- Ahli Majlis Daerah Kuala Langat sesi (2008-2011)
- Pengerusi Jawatankuasa Audit dan Tadbir Urus Korporat MDKL
- Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan MDKL

Isu lampu jalan dapat perhatian

LAMPU Jalan tidak berfungsi serta persimpangan kampung tidak berlampu antara masalah yang akan diusahakan segera.

Hasnul berkata, pihaknya sudah mengenal pasti lokasi lampu-lampu yang perlu dibaik pulih, dan memanjangkan aduan penduduk ke Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Antaranya jalan menghala ke Pantai Morib, ia adalah laluan utama penduduk di situ ke Banting atau ke Tanjung Sepat.

"Lampu jalan ada. Malangnya, ia tidak berfungsi di beberapa kawasan. Laluan ge-

lap dikhuatiri mengundang kecelakaan kepada penduduk dan pengguna jalan pada waktu malam," jelasnya.

Hasnul menambah, berbeza pula dengan masalah di jalan hadapan Pantai Morib di mana lampu jalannya berfungsi tetapi pencahayaannya ditutupi pokok besar di sepanjang bahu jalan.

"Masalah ini berlaku sepanjang 200 meter jalan raya antara dua persimpangan masuk dan keluar Pantai Morib. Laluan ini juga berhampiran masjid yang menjadi tumpuan penduduk sekitar untuk solat maghrib dan isyak.

"Kawasan gelap ini bukan sahaja menyukar, malah, membahayakan penduduk yang datang dan keluar dari masjid," jelasnya.

Selain itu, persimpangan tidak berlampu di kebanyakan kawasan kampung juga akan terus diberi perhatian dalam memastikan keselamatan penduduk terpelihara.

"Setakat ini, PKM berjaya pastikan persimpangan Kampung Bandar dan Kampung Chodoi berlampu setelah mencadangkannya kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Bayaran bil bulanan lampu jalan itu ditanggung sepenuhnya PKM.

"Justeru, PKM mengharapkan kerjasama penduduk kampung atau individu dalam mengenal pasti lokasi persimpangan gelap dan berbahaya untuk disegerakan usaha pemasangan lampu jalan," jelasnya.

STATISTIK MES DUN MORIB

SKIM MESRA USIA EMAS

BANGSA	TERIMA
Melayu	515
Cina	80
India	112
Lain-lain	4

TAWAS

BANGSA	TERIMA
Melayu	1,563
Cina	265
India	483
Lain-lain	61

JOM SHOPPING IBU TUNGGAL

BANGSA	PENDAFTARAN	TERIMA
Melayu	215	68
Cina	2	0
India	40	10
Lain-lain	23	8

Ibu tunggal terharu bumbung dibaiki

HUJAN adalah rahmat Ilahi yang wajar disyukuri setiap insan dan kehidupan di muka bumi ini.

Namun, limpahan air dari langit itu juga adalah ujian besar buat Juhariah Hamzah (**gambar**), 53 seorang ibu tunggal dari Kampung Kelanang dekat sini kerana terpaksa berhujan biarpun berteduh di dalam rumah.

75 peratus atap zink rumahnya bocor, selain struktur binaan bumbungnya reput menanti runtuh.

'Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul'. Hasnul, menerusi peruntukan Pusat Khidmat Masyarakatnya (PKM DUN Morib) menyalurkan bantuan untuk membaik pulih kerosakan bumbung rumah ibu tunggal beranak dua itu.

Tinjauan Selangor Kini baru-baru ini mendapati kerja-kerja membaik pulih bumbung telah siap.

"Saya tidak pernah memohon apa-apa bantuan, tetapi YB dan PKM sentiasa turun padang



meninjau kebajikan rakyat. Dari situ masalah saya mula dikenal pasti YB.

"Bila hari hujan, habis perabot dan peralatan elektrik basah. Ada kalanya saya turut basah ketika tidur," katanya.

Menceritakan kisahnya, Ju-

hariah berkata beliau keserorangan sejak 2010 setelah suami meninggal dunia kerana sakit jantung.

Beliau kini bekerja sebagai pembantu dapur di Pusat Asuhan Tunas Islam (Pasti) dengan pendapatan RM250 sebulan.

"Saya bersyukur dengan apa yang dibantu ini. Sekurangnya, saya tidak susah hati lagi apabila hari hujan," jelasnya.

Beliau terpaksa menempuh malam dengan hati yang berat kerana kluatir binatang liar seperti kera atau ular berbisu masuk ke rumah menerusi bumbungnya yang bocor.

Amanah tidak kenal

i)

Ketika banyak mata tertumpu ke Kajang, ketika pelbagai spekulasi ber-serakan, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim lebih senang bekerja untuk rakyat.

Sekalipun menerajui jentera Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang dan membantu memenangkan Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau tidak mengabaikan tanggungjawabnya sebagai Menteri Besar.

Ini termasuklah memastikan dana rakyat yang dibelanjakan dengan cermat.

Ibarat bapa memastikan anaknya membelanja wang saku membeli makanan berkhasiat, bukan makanan ringan semata-mata.

Begitu juga halnya anak syarikat Perbadanan Kemanjangan Negeri Selangor (PKNS), iaitu PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB).

Jadi, di mana salahnya melakukan pemantauan terhadap tatacara dan perbelanjaan dana anak syarikat itu sepanjang enam tahun beroperasi.

Meskipun, mengundang kontroversi akhirnya, ia tetap wang rakyat yang perlu dijaga sepenuhnya.

Apatah lagi, ia melibatkan sejumlah RM35 juta yang boleh digunakan untuk pelbagai projek kebajikan untuk rakyat.

Kontroversi penamatan kontrak sebilangan kakitangan PKNS yang kemudian hangat dipolitikkan pihak tertentu juga



Selangorkini
EDITORIAL

bukan alasan untuk tidak memperbetulkan kedudukan kewangan.

Sifat amanah tidak kenal kontroversi, tidak peduli kemasyhuran, jauh sekali bersikap populis. Yang benar tetap benar, yang batil tetap batil.

ii)

Kecermatan amalan Kerajaan Selangor membolehkan pelbagai projek kebajikan untuk rakyat diteruskan.

Terbaru, Projek Rumah Selangorku akan dibangunkan di tanah seluas 28 hektar milik Pembedaan Menteri Besar (MBI) di Sungai Sering, Hulu Klang.

Lebih 2,000 unit rumah akan dibina secara cepat melalui kaedah pasang siap, terdiri dari tiga jenis keluasan iaitu 800 kaki persegi, 900 kaki persegi dan 1,000 kaki persegi.

Ia melibatkan peruntukan RM100 juta menggunakan rizab tunai negeri seperti yang diumumkan pada pembentangan Belanjawan 2014.

Ia bakal dijayakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

iii)

Siapa kata rizab simpanan tidak dibelanjakan?

Ketua Pengarang

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin

Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Fazallah Pit

PENGARANG BERITA: Hafizh Mokhtar PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Lizawati Madfa,

Norhayati Umor: chayunkiyatt@gmail.com

Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com



▲ Tidak sekadar merasmikan program Bazaar Usahawan Kecil, anjuran Biro Hal Ehwal Wanita JKKK Batu 13, Puchong, Adun Kinrara, Ng Sze Han, turut memberikan Ang Pow kepada kanak-kanak yang hadir dalam program tersebut



▲ Kelihatan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar, didakap warga emas yang hadir pada program Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Lembah Pantai



▲ Adun Meru, Dr Rani Osman, bersama sebahagian daripada anggota Meru Bikers Club yang akan memulakan ekspedisi menuju ke Kelantan



▲ Sempena sambutan Hari Ponggal di Kuala Langat, Adun Kota Alam Shah, Ganabatirau dan Adun Telok Datok, Loh Chee Heng, mencuba salah satu permainan ladang yang dikenali sebagai 'permainan panjat tiang licin'



▲ Empat dari kanan: Kelihatan Ahli Parlimen Hulu Langat, Dr Che Rosli Che Mat, Adun Dusun Tua, Razaly Hassan, Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong dan pemimpin DAP Hulu Langat, menggaul Yee Sang sempena Program Tahun Baru Cina di Hulu Langat

Tinjau masalah di tapak pelupusan sampah



KAJANG - Baru-baru ini, Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi, bersama rombongan meninjau tapak pelupusan sampah yang menjadi rungutan warga Kajang.

Kedatangan beliau disambut pengarah syarikat yang mengendalikan tapak pelupusan tersebut, Kamarul Za-

man Abd Kadir, Pengurus Besar, John David, dan Perunding Teknikal, Ismail Ibrahim.

“Kerajaan Selangor komited untuk meneliti dan mempertimbangkan segala rumusan hasil perbincangan bagi mencari solusi terbaik terhadap isu

Dr Yunus Hairi
ADUN Sijangkang

itu mengikut bidang kuasa Kerajaan Negeri,” katanya.

Syarikat terabit memberi akujanji dan komitmen untuk menyelesaikan timbunan sampah tersebut dalam tempoh jangkamasa dua minggu operasi.

Gotong-royong bersihkan Perkuburan AU1



HULU KELANG - Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan surau-surau di bawah pentadbiran Masjid Al-Ansar, mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan perkuburan Keramat Permai AU1.

Adun Hulu Kelang, Saari Sungib, turun padang bersama membersihkan kawasan perkuburan yang dibahagikan kepada beberapa bahagian mengikut pentadbiran Masjid Al-Ansar

Rumput dan pokok-pokok liar dicantas, manakala pelajar

Saari Sungib
Adun Hulu Kelang

dari Sekolah Menengah Taman Keramat yang datang membantu, ditugaskan mengutip sampah.

Wakil surau berhampiran turut sama membantu dengan menanam pokok bagi mencantikkan lagi kawasan perkuburan tersebut.

Dalam program gotong-royong itu Saari, mengambil peluang menjamu selera bersama penduduk.



28 waris terima SMUE

DENGKIL - Seramai 28 orang waris penerima Skim Mesra Usia Emas (SMUE) dari DUN Dengkil menerima bayaran fasa kedua selepas pembayaran fasa pertama diterima, tahun lalu.

Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi, berkata kerajaan Negeri komited untuk memastikan hasil negeri

Dr Daroyah Alwi
Adun Sementa

dapat dinikmati rakyat.

“Seperti program SMUE ini, kita berharap wang yang diterima digunakan sebaik mungkin oleh waris terutama dalam mengurangkan beban yang ditang-

gung selepas kehilangan insan tersayang yang mungkin orang bertanggungjawab mencari rezeki dalam keluarga.

“Pemberian ini juga adalah bukti jelas bahawa kerajaan negeri tidak pernah memungkir janji untuk menjaga kebajikan rakyat seperti dijanjikan,” katanya merupakan Adun angkat kepada DUN Dengkil.

Masih ramai warga emas kaum Tionghua belum mendaftar

KAJANG - Menurut Adun Bangi, Shafie Ngah, masih ramai warga emas kaum Cina belum mendaftar di bawah Skim Mesra Usia Emas (SMUE).

Beliau berkata demikian sewaktu Jamuan Tahun Baru Cina 2014 di Padang Awam Putra Kajang

“Saya menyeru orang ra-

mai, terutama warga emas yang hadir pada hari ini untuk mendaftar di Pusat Khidmat Masyarakat (PKM), DUN Bangi atau di m a n a - m a n a Pusat Khidmat Masyarakat berhampiran.”

“Berilah peluang kepada kami untuk berikan perkhidmatan terbaik kepada anda,”

Shafie Ngah
Adun Bangi

katanya.

Sempena sambutan Tahun Baru Cina kali ini, PKM Bangi dengan kerjasama pejabat Ahli Parlimen Serdang, mengadakan tiga sambutan berasingan, iaitu Putera Kajang, Bukit Mewah dan Pekan Bangi.

Sebanyak 500 baucer bernilai RM100 diagihkan kepada warga emas dan orang susah semasa program itu.



Kontrak PHSB RM7 juta setahun

OLEH LIZAWATI MADFA
& NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kira-kira RM7 juta setahun dibelanjakan hanya untuk membiaya pekerja kontrak PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB) melaksana tugas yang bertindih dengan peranan kakitangan tetap Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Justeru langkah untuk tidak melanjutkan kontrak mereka itu adalah langkah yang tepat dan betul dari sudut urustadbir organisasi, kata Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Keputusan ini menyaksikan penjimatan kos RM7 juta setahun dan kos tinggi ini menjadi rintihan golongan 'whistle blower'.

"Jadi, penggajian mereka tidak membawa keuntungan, bahkan kos berlebihan terpaksa ditanggung," kata beliau dalam sidang media di Bangunan

“

Peluang kenaikan pangkat kakitangan tetap dalam PKNS terbantut kerana peluang diberikan kepada orang luar dengan tawaran secara kontrak dan tangga gaji lebih tinggi

ABDUL KHALID
Menteri Besar

SUK, baru-baru ini.

Mengulas isu yang sama di Majlis Penyerahan Watikah Penggerak Belia Tempatan (PeBT) di Stadium Kuala Selangor, baru-baru ini, Abdul Khalid berkata keputusan untuk tidak melanjutkan kontrak pekerja kontrak PHSB tidak akan ditarik-balik.

Beliau berkata demikian, ketika diminta mengulas desakan supaya amalan menggaji pekerja kontrak untuk mengambil tempat kakitangan tetap diteruskan semula.

"Saya tidak akan teragak-agak untuk menunjukkan kepada rakyat bahawa keputusan ini dibuat demi mereka (rakyat)," tegas beliau.

Dalam laporan sebelum ini, Abdul Khalid mendedahkan pekerja-pekerja kontrak PHSB itu memungut gaji yang tinggi, dan keberadaan mereka telah merencatkan kerjaya kakitangan tetap PKNS.

"Peluang kenaikan pangkat kakitangan tetap dalam PKNS terbantut kerana peluang diberikan kepada orang luar dengan tawaran secara kontrak dan tangga gaji lebih tinggi.

"Hal ini dibuat tanpa mengambil kira kepakaran dan pengalaman kakitangan sedia ada, yang mungkin telah berkhidmat selama 15 tahun dengan gaji hampir RM4,000 sahaja, tetapi tetap tidak berpeluang kerana diberikan kepada orang luar dengan gaji dua kali



Atas: Ketua Pemuda PAS Selangor, Syarhan Humaizi, menyerahkan cenderahati kepada Menteri Besar



Kiri: Lafaz ikrar belia pada Majlis Penyerahan Watikah Penggerak Belia Tempatan (PeBT), di Stadium Kuala Selangor

ganda," jelas beliau.

PKNS adalah syarikat induk kepada PHSB, dan merupakan entiti milik Kerajaan Negeri. Abdul Khalid berkata tanggungjawab beliau selaku

Pengerusi PKNS adalah memastikan syarikat milik rakyat Selangor itu diurus secara telus dan bertanggungjawab.

"Kerajaan negeri akan memantau perkembangan PKNS

dengan teliti untuk memastikan sumber syarikat diuruskan secara profesional untuk memberi manfaat maksimum kepada rakyat Selangor," kata beliau.

Elak manipulasi media BN

Anwar: Henti isu PKNS

SHAH ALAM - Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mahu memberi ruang kepada media pro Umno-BN memanipulasi isu penamatan kontrak kakitangan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Meminta semua pihak tidak memanjangkan isu itu kepada media, beliau yakin media arus perdana yang pro-Umno-BN akan mengambil kesempatan mengeruhkan keadaan.

Beliau tidak mahu pihak luar mengambil kesempatan memburuk-burukkan keadaan berikutan pemimpin parti memberi pan-

dangan masing-masing dalam isu itu.

"Saya sudah nasihat, kita tidak perlu perbesarkan lagi perkara ini," kata Ketua Umum PKR itu pada sidang media, baru-baru ini.

Sebelum ini, isu penamatan kontrak membabitkan 22 kakitangan PKNS Holdings Sdn Bhd mendapat perhatian media tempatan, dan mengundang reaksi pelbagai pihak.

Bagaimanapun, kebanyakan pemimpin PKR termasuk Anwar yakin isu berkenaan mengganggu kempen Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang kerana ia bukan isu politik.

Isu kontrak bukti PR berintegriti

SHAH ALAM - Isu kontrak kakitangan PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB) tidak akan menjejaskan peluang PKR memenangi Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Kajang.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, yakin isu ini akan mengukuhkan keyakinan rakyat kepada integriti dan komitmen Kerajaan Negeri Selangor kepada urus tadbir yang baik.

"Rasanya penduduk Kajang lagi suka kerana wang negeri dapat dijamin. Bukan sahaja rakyat Kajang,

tetapi seluruh rakyat Selangor pasti suka kerana kita lakukan tindakan telus," katanya dalam sidang media di Bangunan SUK, baru-baru ini.

Pada masa sama, Abdul Khalid menolak tuduhan sesetengah pihak bahawa beliau kejam dan tidak berhati perut dengan tindakan berkenaan.

"Kalau kejam tidak ada antara mereka yang dapat sehingga RM60,000. Kita juga pastikan segalanya dilakukan ikut prosedur, jika tidak mereka boleh bawa perkara ini ke mahkamah," katanya.

Kempen Sihat Selangor

Jamin kehidupan sihat sejahtera

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri sentiasa berusaha bagi memastikan rakyat Selangor menitik beratkan aspek kesihatan serta amalan gaya hidup sihat demi menjamin kehidupan sejahtera.

Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr. Daroyah Alwi, berkata atas rasa tanggungjawab itu kerajaan negeri akan melancarkan Kempen Gaya Hidup Sihat (Sihat Selangor), pada 15 Februari ini.

Katanya, kempen itu juga akan dilaksana-

“

Kita akan menumpukan usaha memberi kesedaran awam berkenaan kepentingan amalan bersenam, pemakanan dan diet yang sihat, sikap positif serta pemeriksaan kesihatan berkala bagi mengelakkan penyakit

DR. DAROYAH ALWI
Exco Kesihatan

kan di semua 12 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) seluruh Selangor sepanjang tahun ini.

“Penjagaan kesihatan yang lemah dan tidak teliti mampu menyebabkan pelbagai penyakit berjangkit serta penyakit kronik.

“Kita akan menumpukan usaha memberi kesedaran awam berkenaan kepentingan amalan bersenam, pemakanan dan diet yang sihat, sikap positif serta pemeriksaan kesihatan berkala bagi mengelakkan penyakit,” katanya pada sidang media di Bangunan SUK, di sini.

Daroyah berkata, majlis perasmian kempen akan disempurnakan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, yang akan turut melancarkan logo Sihat Selangor.

“Menteri Besar, Exco dan tetamu kehormat lain juga akan turut serta bersama orang awam dalam kempen berjalan 10,000 langkah dan mereka akan berjalan mengelilingi trek lumba,” katanya.

Sehubungan itu, Daroyah menyeru orang ramai untuk hadir memeriahkan pelancaran Kempen Gaya Hidup Sihat yang akan diadakan di Stadium Kajang.

Pelbagai program menarik disusun antaranya demonstrasi makanan sihat, tarik tali kain pelikat, sharp shooter bola sepak dan bola jaring, persembahan silat seni Rajawali serta persembahan wushu.

Selangor terima RM564.6 juta peruntukan Marris baiki jalan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bercadang memperuntukkan RM3 juta untuk setiap kawasan DUN dan RM214 juta kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan penyelenggaraan jalan.

Exco Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Dr Ahmad Yunus Hairi (**gambar**) berkata peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalanraya (MARRIS) itu merangkumi jalan-jalan negeri, bandaran, perumahan murah, kampung, pertanian dan lorong belakang.

Menurutnya lagi, sebanyak RM500 ribu dicadangkan diperuntukkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah, RM4 juta kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor dan RM156 juta kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Selangor



juga bagi tujuan yang sama.

“Kuasa berbelanja diberikan kepada Datuk Bandar atau Yang Di-Pertua PBT atau Pengarah JKR dan Pengarah JPS untuk melaksanakan projek MARRIS bagi tahun 2014.

“Setiap senarai projek PBT, Pejabat Daerah, JKR dan JPS perlu disemak oleh jawatankuasa teknikal disahkan oleh jawatankuasa pentadbiran MARRIS sebelum perolehan dilaksanakan,” kata Ahmad.

Oleh kerana penumpuan khusus diberikan untuk membangunkan kawasan-kawasan desa, beliau menyarankan peruntukan kepada DUN ditumpukan kepada penyelenggaraan jalan-jalan desa yang didaftarkan dalam sistem MARRIS.

Majlis Pelancaran
GAYA HIDUP SIHAT
NEGERI SELANGOR
Tahun 2014

YB Puan Dr Daroyah Alwi
Pengerusi Jawatankuasa Tetap
Kesihatan Negeri Selangor

Sihat

15 FEBRUARI 2014, SABTU
STADIUM KAJANG
7.30 pg - 12.00 tgh

Dirasmikan Oleh
Y.A.B TAN SRI DATO' SERI ABDUL KHALID BIN IBRAHIM
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR

Aktiviti :

- PELANCARAN LOGO SIHAT SELANGOR
- KEMPEN BERJALAN 10,000 LANGKAH
- PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA
- ACARA TARIK TALI ANTARA KAMPUNG
- ACARA SUKANEKA KANAK - KANAK
- PAMERAN DAN BOOTH

Anjuran Jawatankuasa Tetap Kesihatan Negeri Selangor
dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kajang

MENCORAK MASYARAKAT

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

BELAJAR DI UNISEL

Mohon di
www.unisel.edu.my



PENGAMBILAN MAC 2014 DIBUKA

LEBIH 1,000 TEMPAT DISEDIAKAN BAGI PROGRAM PENGAJIAN BERIKUT:

DIPLOMA

- Seni Reka Grafik Digital KPT/JPS(R/213/6/007)05/16
- Fotografi KPT/JPS(R/321/4/0042)05/17
- Perakaunan KPT/JPS(KR11335)01/15
- Pengurusan Pentadbiran KPT/JPS(R/345/4/0116)10/16
- Pengurusan Perniagaan KPT/JPS(KR11334)06/15
- Pengurusan Industri Sukan KPT/JPS(R/813/4/0010)05/17
- Komunikasi dan Media KPT/JPS(R/321/4/0030)12/16
- Aplikasi Komputer dalam Perniagaan KPT/JPS(R/482/4/0010)05/16
- Teknologi Maklumat KPT/JPS(KR11336)06/15
- Multimedia KPT/JPS(R/213/4/0012)05/16
- Pengkomputeran Industri KPT/JPS(R/481/4/0043)05/16
- Teknologi Mudahalih KPT/JPS(R/310/4/0002)05/16
- Kejuruteraan Awam KPT/JPS(N/526/4/0029)03/18
- Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik KPT/JPS(R/523/4/0061)01/16
- Kejuruteraan Mekatronik KPT/JPS(R/521/4/0020)01/16
- Kejuruteraan Mekanikal KPT/JPS(R/521/4/0019)01/16
- Pendidikan (Pra Sekolah) KPT/JPS(R/143/4/0001)07/16
- Pendidikan (Pengajian Islam) KPT/JPS(R/521/6/0037)09/17
- TESL KPT/JPS(R/145/4/0021)02/17
- Sains Perpustakaan KPT/JPS(R/322/4/0003)10/16
- Bioteknologi KPT/JPS(R/545/4/0021)06/18
- Teknologi Industri KPT/JPS(R/520/4/0044)09/18
- Sains Kuantitatif KPT/JPS(N/462/4/0004)07/17

IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN)

- Seni Reka Grafik Digital KPT/JPS(R/213/6/0007)08/16
- Perakaunan KPT/JPS(KR10548)07/14
- Sumber Manusia KPT/JPS(R/345/6/0202)10/17
- Pemasaran KPT/JPS/(KR10585)06/14
- Pengurusan Industri KPT/JPS(R/345/6/0115)10/16
- Kewangan KPT/JPS(KR10584)07/14
- Pengurusan Perniagaan KPT/JPS(KR11678)10/15
- Komunikasi (Komunikasi Korporat) KPT/JPS(R/321/6/0065)09/18
- Teknologi Maklumat KPT/JPS(R/482/6/0009)08/16
- Teknologi Maklumat (Pengurusan Pengetahuan) KPT/JPS(R/482/6/0214)09/17
- Multimedia KPT/JPS(R/213/6/0063)05/17
- Sains Komputer KPT/JPS(KR11778)12/15
- Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) KPT/JPS(KR11779)10/15
- Sains Komputer (Keselamatan Rangkaian dan Digital Forensik) KPT/JPS(N/481/6/0259)01/18
- Sains Teknologi Maklumat dengan Pengurusan Rantaian Bekalan KPT/JPS(R/481/6/0188)05/17
- Kejuruteraan Awam KPT/JPS(R/526/6/0024)09/17
- Kejuruteraan Elektrik KPT/JPS(R/522/6/0025)09/17
- Kejuruteraan Elektronik KPT/JPS(R/523/6/0095)09/17
- Kejuruteraan Mekanikal KPT/JPS(R/521/6/0037)09/17
- Pendidikan (TESL) KPT/JPS(R/145/6/0013)08/16
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak KPT/JPS(N/143/6/0022)01/17
- Psikologi Industri KPT/JPS(R/311/6/0018)01/18
- Sains Perpustakaan KPT/JPS(N/322/6/0002)07/16
- Bioteknologi KPT/JPS(R/545/4/0022)06/18
- Bioinformatik KPT/JPS(KR10587)06/14
- Sains Persekitaran (Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan) KPT/JPS(KA9847)12/14
- Sains Matematik dengan Statistik KPT/JPS(R/461/6/0001)11/16
- Sains Teknologi Industri KPT/JPS(N/540/6/0007)07/17

**KEPERLUAN ANDA,
KOMITMEN KAMI**

- ✓ Akreditasi dan Pengiktirafan dari MQA
- ✓ Pensyarah dan ahli akademik yang mempunyai pengalaman dan kemahiran yang luas
- ✓ Yuran pengajian yang sangat berpatutan
- ✓ Lebih 1,500 syarikat tersedia untuk latihan industri
- ✓ Lebih 21,000 alumni

Borang Permohonan

(Potong disini)

Nama :

Alamat :

No. K/P : No. Tel : E-mel :

Program : 1.

dipohon 2.

(Sila sertakan salinan sijil/transkrip SPM/STPM/Matrikulasi/Diploma untuk mempercepatkan proses penawaran) MAC 2014

Untuk maklumat lanjut, hubungi :
03-5522 3400/3535/3435/3436

Atau emel :
admission@unisel.edu.my

Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Universiti Selangor
Jalan Zirkon A 7/A Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor
Faks : 03-5522 3563 / 03-5510 9277 (KPT/JPS/DFI/US/B06) | (KPT/JPS/DFI/US/B18)

Piala Datuk Bandar janji saingan sengit

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Kejohanan Futsal Piala Datuk Bandar Shah Alam 2014 untuk kali kesembilan kembali lagi, dan menjanjikan persaingan sengit dan menarik untuk anak-anak muda Shah Alam.

Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengalu-alukan warga Shah Alam untuk membuktikan kebolehan mereka mengelecek bola dan menerobos gawang lawan di kejohanan yang bertempat di Frenzy Sport Arena, Seksyen 16, yang akan diadakan selama dua hari iaitu pada 12 dan 13 April ini.

Pendaftaran ditutup pada 20 April dan terhad kepada 32 pasukan

terawal sahaja.

“Setiap pasukan perlu terdiri daripada lapan peserta iaitu lima orang pemain utama dan tiga pemain simpanan. Terdapat tiga kategori diperbandingkan iaitu kategori terbuka lelaki, terbuka wanita dan bawah 12 tahun,” kata Timbalan Pengarah Korporat MBSA, Shahrin Ahmad.

Bagi kategori terbuka lelaki, pasukan bergelar johan layak menerima wang tunai RM3,000, tempat kedua RM2,500 dan ketiga RM1,000, manakala kategori terbuka wanita pula, johan bakal menerima RM2,500, tempat kedua RM2,000 dan ketiga RM5,000.

Untuk kategori bawah 18 tahun

BUKTIKAN ANDA JAGUHI!

Dapatkan borang penyertaan di:

**Bahagian Sukan dan Rekreasi,
Jabatan Korporat MBSA, atau
hubung:**

**Jaid Idham 012-3706636
Azreen Naim 019-2576897**

**Borang penyertaan juga boleh
dimuat turun di laman sesawang
MBSA di alamat**

www.mbsa.gov.my

pula johan akan memenangi wang tunai RM2,000, kedua RM1,500 dan ketiga RM500, manakala bagi kategori bawah 12 tahun, johan memenangi wang tunai RM1,000, tempat kedua RM800 dan ketiga RM 200.

MPSJ FC mara ke final Piala FA

SHAH ALAM - Kelab Bola Sepak Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), MPSJ FC sekali lagi berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir Piala FA selepas kali pertama melakukannya pada tahun 2011 dengan gelaran naib johan.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Bahagian Perhubungan Dan Komunikasi Korporat, Jabatan Perancangan Korporatnya, MPSJ FC dikatakan menempuh beberapa pusingan sebelum layak ke peringkat akhir.

Katanya, pada pusingan separuh akhir pasukan MPSJ FC menang 1-0 kepada pasukan Penjara seterusnya melayakkan diri ke peringkat akhir Piala FA. Sebelum ini, MPSJ FC berjaya menewaskan Nilam Puri 2-1 di pusingan kedua dan PBSB Kuala Langat 2-1 di pusingan ketiga.

MPSJ FC sekali lagi membuktikan kebolehan mereka dengan menewaskan Megah Murni 3-0 pada pusingan suku akhir.

“Pihak Pengurusan Tertinggi MPSJ, Yang DiPertua, Datuk Asmawi Kasbi dan Timbalannya, Abdullah Marjunid juga memberikan sokongan padu kepada pasukan ini untuk mencapai tahap yang tertinggi, di samping menjulang nama MPSJ dalam arena bola sepak,” katanya.

Kelab MPSJ FC didaftarkan dengan Pesuruhjaya Sukan pada 2009, namun mula menyertai Liga Bolasepak Selangor (FAS) lebih awal iaitu, pada 2007.

Trem memudahkan pelancong ke Bukit Melawati

SHAH ALAM - Perlahan-lahan gerabak trem mendaki satu-satunya laluan ke puncak Bukit Melawati membawa bersama pelancong yang tidak sabar ingin menikmati panorama di kubu tua itu.

Dengan warna ceria merah-kuning

dan reka bentuk yang unik, trem beroda Bukit Melawati tampak comel dan menjadi tarikan yang dinantikan pengunjung.

Trip pendakian menaiki trem itu mengambil masa 30 minit dengan dua gerabaknya mampu membawa 45 penumpang dalam satu masa.

Dengan tekun tiga trem yang disediakan

oleh Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) itu bergilir-gilir mengambil dan menurunkan penumpang.

Melihat atur cara pakej yang disediakan, pengendali trem, iaitu MDKS sememangnya ingin memastikan kunjungan anda ke Bukit Melawati sebagai satu pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

Selepas menyelusuri warisan sejarah Bukit Melawati dan melewati gerombolan Lotong Kelabu (*trachypithecus cristatus*) yang melata, trem MDKS itu turut membawa mereka ke Taman Ikan Air Tawar yang terletak tidak jauh dari bukit bersejarah itu.

Kemas kini maklumat yang kami terima sebelum ini, perkhidmatan trem berkenaan beroperasi setiap hujung minggu dan cuti umum dengan tambang yang masih berpatutan iaitu RM5 bagi orang dewasa dan RM3 kanak-kanak yang berumur antara tiga hingga 12 tahun.



Penggunaan trem memudahkan pelancong mendaki Bukit Melawati

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor?

Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824.

Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera di bawah.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Tel : 03-4296 8000;
Hotline : 1 -800-22-8100
Laman Web: www.mpaj.gov.my

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Tel : 03-6064 1331
SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888
Laman Web: www.mdhs.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

Kutipan Sampah
Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy); Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471 (Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 /
1-800-88-23826 (Toll-free)
Laman web: www.mpklang.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

Tel: 03-3187 2825
SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.
Laman web: www.mdkl.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

Tel: 03-3289 1439
Laman web: www.mdks.gov.my

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

Tel: 03-3224 1655 / 1000
Laman web: www.mdsb.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06
Laman web: www.mps.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSP)

Tel: 03-8319 0200 / 0300
Laman web: www.mpsepang.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878
Website: www.mbsa.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545
Laman web: www.mpsj.gov.my

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) /
03-7956 3544 (am)
SMS: Taip "MBPJ ADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213
Laman web: www.mbpj.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG (MPKJ)

Tel: 87377899
Hotline: 1-800-88-6755
Emel: aduan@mpkj.gov.my
Laman Web: www.mpkj.gov.my



Selangor lulus RM13 Juta untuk Skim CERIA 2014

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Sebanyak RM13 juta diluluskan untuk melaksanakan Skim Program Baik Pulih Negeri Berkeadilan (Ceria) bagi tahun ini.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata Kerajaan Negeri berharap program biaya baik pulih pangsapuri itu akan mewujudkan persekitaran yang sihat dan harmoni, tanpa perlu membebankan penduduk dengan kos baik pulih yang tinggi.

"Sebahagian besar kawasan yang perlu dibaik pulih boleh diklasifikasikan sebagai rosak sangat kritikal. Antara masalahnya berhubung dengan bumbung, lif dan tangki air, serta kerosakan-kerosakan lain yang berupaya mengancam keselamatan penduduk," katanya.

Iskandar menjelaskan lebih daripada 50 kawasan pangsapuri disasarkan

untuk dibaik pulih tahun ini. Pihaknya juga menerima permohonan baik pulih dari 149 kawasan.

"Jika ada keperluan, peruntukan untuk program ini akan ditambah kerana RM13 juta adalah had siling yang akan ditambah apabila jumlah dana yang diperuntukkan habis digunakan," katanya.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2010, kerajaan negeri memperuntukkan RM16.1 juta bagi membaik pulih 104 kawasan pemajuan di seluruh Selangor, sehingga tahun lalu.

Pertanyaan?

Hubungi Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) di talian **03-55102122**



Skim Ceria merupakan skim perkongsian kos antara penghuni pangsapuri kos rendah dengan Kerajaan Negeri bagi mencantikkan kediaman

SUTERA DAMANSARA

Damansara's Latest Guarded Township

GAYA HIDUP BERPRESTIJ

OSK Property menjadi inspirasi ramai. Ciri-ciri produk pembangunan kami menyempurnakan kehidupan anda. Kunjungi galeri jualan terkini untuk merebut peluang mengubah gaya hidup anda.

MASA : 10 PAGI - 6 PETANG

TEMPAT : B-G-28, Block Bougainvillea, 10 Boulevard, Lebuhraya SPRINT, PJU 6A, 47400 Petaling Jaya, Selangor.
GPS: 3° 7.998', 101° 36.884'



Fasa 1 habis jualan, The Vale II kini dibuka untuk pendaftaran.



Unit terhad



Unit terhad

Pemaju SEMPONIA SDN BHD (593349-U) A Subsidiary of OSK Property Holdings Bhd (201666-D)
Ibu Pejabat 9th Floor, Plaza OSK, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel +603 2161 3322

Untuk Maklumat Lanjut
Laman Web

03 7725 6833 | 012 356 8311
www.suteradamansara.com.my

OSK
PROPERTY

Semporna Sdn Bhd (593349-U) • No. Lesen Pemaju: 12661-5/21-2015/908 • Tempoh Sah: 11/7/2012-10/7/2015 • No. Permit Bina & Jualan: 12661-5/23-2015/011479 • Tempoh Sah: 29/05/2013-29/05/2015 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya • No. Rujukan Pelan Bangunan: MBPJ/2013/DP/10261/2012 • Pelesenan Tanah: Papan 99 Tahun (Tanah) • Tarikh: 19/7/2013 • Tarikh: 19/7/2013 • Sektor: Sektor Public (Sektor Bhd) • Jumlah Unit (Rumah) Jenis 2.5 Tingkat: 26 Unit • Harga Jualan (per unit): RM 1,370,000.00 • (maksud RM 2,400,000) • Disyorkan Bumiputera: 7% • SEKATAN-SEKATAN KEPENTINGAN: Tanah yang dibeli tidak boleh diwariskan, diwariskan atau dijual melainkan dengan kebenaran pihak berkuasa negeri. • Segala maklumat yang terkandung di sini adalah terlewat kepada perubahan tanpa pemberitahuan sebagaimana dikehendaki pihak berkuasa berkenaan atau pihak pemaju dan tidak menjadi sebahagian jawapan atau kontrak. Meskipun usaha penyediaan maklumat ini telah dilakukan dengan cermat, namun pemaju dan pengurus tidak boleh dipertanggungjawabkan atas sebarang perubahan. Segala keutuhan dan gambar yang dibuat adalah berdasarkan pandangan pelukis semata-mata. Butiran-butiran adalah terlewat kepada perubahan, pengubahsuaian dan penggantian sebagaimana dikehendaki oleh Pihak Berkuasa dan Pihak Berkuasa berkenaan yang memberi kelulusan.

KAFA Menengah Selangor penuhi keperluan ummah

OLEH NAEEM RAFFI

KUALA SELANGOR - Penuh-buhan Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa) ke peringkat menengah oleh Kerajaan Negeri adalah perintis usaha meletakkan sistem pendidikan Islam ke persada arus perdana.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, berkata usaha terancang itu juga bertujuan memastikan kesinambungan pendidikan Islam dalam pembentukan sah-sah diri pelajar tercapai.

"Ini adalah proses memperkenalkan kembali Islam seperti yang dibawa Nabi Muham-

mad SAW sebagai addin, iaitu cara hidup yang syumul.

"Proses melahirkan modal insan yang cemerlang agamanya ini memakan masa yang panjang. Jadi, pengorbanan dan keterlibatan guru, ibu bapa dan masyarakat perlu dari sekarang," katanya pada Majlis Perasmian Kafa Menengah di Sekolah Rendah Agama (SRA) Intergrasi Saujana Utama, baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam Jais, Mohd Amir Danuri dan Guru Besar SRA Saujana Utama, Samsiah Alias.

Majlis turut dihadiri 30 pelajar yang mengikuti Kafa Mene-

ngah di situ bersama ibu bapa masing-masing.

Bermula tahun ini, kerajaan Selangor menggerakkan pembelajaran Kafa peringkat Menengah di sembilan buah Sekolah Rendah Agama (SRA) sedia ada.

Projek perintis tersebut dilihat selaras dengan manifesto Pakatan Rakyat (PR) Selangor pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) lalu, berikutan permintaan tinggi kepada sekolah menengah agama yang kurang di Selangor.

"Ramai yang mempersoalkan, kenapa kerajaan Selangor tidak membina Sekolah Menengah Agama yang serba lengkap. Kenapa hanya menumpang di SRA?"

"Jawapannya, kami (Kerajaan Negeri) berpijak di bumi nyata, belan-



Sekolah Rendah Agama (SRA) Intergrasi Saujana Utama, antara Kafa Menengah yang menjadi perintis

KAFA Menengah, usaha Kerajaan Negeri dipuji

KUALA SELANGOR - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) memuji komitmen Kerajaan Negeri dalam memastikan pengajian Kelas Agama dan Fardu Ain (Kafa) tidak terhenti di peringkat Sekolah Rendah Agama.

"Kami (Jais) berterima kasih kepada Kerajaan Negeri atas sokongan yang cukup kuat ini. Saya percaya projek perintis ini akan terlaksana dengan cemerlang, seterusnya berkembang dengan jayanya.

"Ini adalah petanda baik untuk pendidikan Islam kepada anak-anak

Islam khususnya di negeri ini," kata Penolong Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam Jais, Mohd Amir Danuri di Majlis Perasmian Kafa Menengah di Sekolah Rendah Agama (SRA) Saujana Utama, baru-baru ini.

Jais mempunyai 23 Sekolah Menengah Agama diseluruh Selangor dan tiga buah Maahad Integrasi Tahfiz Sains dan Teknologi.

Jumlah itu bagaimana pun masih belum mencukupi bagi menampung permintaan tinggi daripada ibu bapa di Selangor yang inginkan anak-anak

mereka ke sekolah menengah aliran agama.

"Jais hanya mampu membuat pengambilan 3,700 pelajar tingkatan satu setiap tahun untuk ditempatkan di 26 buah sekolah yang ada," jelas beliau.

Kafa Menengah ini turut mendapat perhatian beberapa buah masjid, yang mahu memberi tempat untuk menjalankan kelas pembelajaran.

Pihak Jais sedang meneliti permintaan tersebut setelah beberapa aspek dikaji dan menadapat persetujuan pihak terlibat.

REAKSI IBU BAPA KAFA MENENGAH



Ini adalah sebahagian dari persiapan kepada anak-anak yang meningkat remaja. Dengan adanya pendidikan agama (Kafa Menengah) ini, sekurang-kurangnya anak saya lebih bersedia.

Masa lapang yang ada itu, diisi dengan pembelajaran agama, jadi saya ditempatkan kerjapun tidak risau apa yang dia buat, dengan siapa dia berkawan

Abdul Halim Baharum

Banyak perubahan yang saya lihat kepada anak saya. Di rumah anak saya akan menjadi 'ustaz' kepada adik-adik dirumah.

Kadang-kadang dalam kereta semasa perjalanan pulang kerumah pun dia menceritakan apa yang dia belajar di kelas dan banyak juga doa dan ayat-ayat al-Quran yang dia hafal akan dibacanya.

Noorhatu Abdul Sani



jawan kami (negeri) terbatas. Saya selaku Exco pendidikan bagi penggal kedua ini kalau boleh semua benda mahu buat," kata Dr Halimah.

Katanya, sikap Kerajaan Pusat yang menganaktirikan Selangor sejak 2008, sedikit pun tidak mematahkan semangat Kerajaan Negeri untuk terus memperkasa sistem pen-

didikan di negeri itu.

"Jadi, kalau 'bapa tiri' berkira-kira untuk beri, pandai-pandailah Selangor jaga diri.

"Hasil jimat cermat dan perbelanjaan yang cekap, Kerajaan Negeri terus maju dan berjaya menggandakan rezab simpanannya. Sumber itu yang kita guna untuk majukan sistem pendidikan," jelasnya.

WAKTU SOLAT SELANGOR

14 - 21 FEBRUARI 2014
14 - 21 RABIULAKHIR 1435H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang,
Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
14 Jumaat	6:00	6:10	7:29	1:30	4:49	7:28	8:40
15 Sabtu	6:00	6:10	7:29	1:30	4:49	7:29	8:40
16 Ahad	6:00	6:10	7:29	1:30	4:49	7:29	8:40
17 Isnin	6:00	6:10	7:29	1:30	4:49	7:29	8:39
18 Selasa	6:00	6:10	7:29	1:30	4:48	7:29	8:39
19 Rabu	6:00	6:10	7:27	1:30	4:48	7:29	8:39
20 Khamis	6:00	6:10	7:27	1:30	4:48	7:29	8:39
21 Jumaat	6:00	6:10	7:27	1:30	4:47	7:29	8:39

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
14 Jumaat	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:42
15 Sabtu	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:42
16 Ahad	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:41
17 Isnin	6:02	6:12	7:30	1:32	4:51	7:31	8:41
18 Selasa	6:02	6:12	7:30	1:32	4:50	7:31	8:41
19 Rabu	6:02	6:12	7:29	1:32	4:50	7:31	8:41
20 Khamis	6:02	6:12	7:29	1:32	4:50	7:31	8:41
21 Jumaat	6:02	6:12	7:29	1:32	4:49	7:31	8:41



Perlantikan ahli majlis PBT diselesaikan secara berperingkat

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Isu perlantikan ahli majlis Pihak Berkualiti Tempatan (PBT) Selangor akan diselesaikan selepas kekosongan diisi secara berperingkat.

Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim, berkata isu penguasaan DAP tidak berbangkit kerana kuota bagi PKR kekal terbanyak, iaitu 120 kerusi daripada jumlah keseluruhan 288 kerusi.

Kerajaan Negeri hanya menunggu PKR menamakan 42 calon lagi untuk mengisi kekosongan setakat ini.

"Belum penuh. Kalau ikut kuota PKR ada 120, jadi nama tak cukup, bagaimana kita nak isi sampai 120?" katanya.

Teng berkata demikian mengulas kenyataan Pergerakan Pemuda Umno Terengganu baru-baru ini, yang mencabar Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor bersuara mengenai perkara itu.

Ketua AMK Selangor, Azmizam Zamanhuri enggan mengulas isu berkenaan kerana senarai penuh rasmi pelantikan ahli majlis PBT belum dikeluarkan.

"Kita tidak mahu komen kerana ia boleh mengganggu proses pelantikan," katanya.

Selain kekosongan kuota PKR, DAP masih belum kemuka sembilan nama calon, manakala PAS dua nama calon.

Jumlah dicatatkan ketika ini hanya 226 kerusi diisi, dengan PKR seramai 78 orang, DAP (83) manakala PAS (65). Sembilan kerusi lain disandang Orang Besar Daerah.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri mengambil keputusan un-



BERJAYA... Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bergambar bersama para peminjam Skim Mikrokredit Selangor (SKIMSEL) pada Majlis Ramah Mesra Ahli Pemegang Amanah Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor, di Kediaman Rasmi Menteri Besar di sini

Belum penuh. Kalau ikut kuota PKR ada 120, jadi nama tak cukup, bagaimana kita nak isi sampai 120?

TENG CHANG KIM
Exco Kerajaan Negeri, Kajian dan Penyelidikan

tuk menghadkan jawatan ahli majlis kepada empat tahun atau dua penggal berturut-turut, bagi mengelakkan berlakunya konflik kepentingan peribadi.

	Kerusi	Kuota Terisi	Kuota Kosong
PKR	120	78	42
DAP	92	83	9
PAS	67	65	2
OB	9	9	0
Jumlah	288	235	53

Antara penambahbaikan lain adalah setiap PBT mempunyai 30 peratus ahli majlis daripada kalangan wanita.

Menyentuh perlantikan ahli majlis daripada kalangan ahli badan bukan kerajaan (NGO) pula, Teng menjelaskan ada di kalangan ahli majlis yang di-

lantik daripada golongan itu, yang kebetulan merupakan ahli atau menyokong parti-parti politik tertentu.

Antara nama ahli majlis mewakili NGO yang menarik perhatian adalah, Ng Kok Chuan daripada PAS, untuk Majlis Perbandaran Selayang (MPS)

dan Noor Sulisiah Ampira Wani daripada DAP, untuk Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

"Takkanlah dia sebagai ahli NGO dan pada masa sama ahli parti, kita tidak boleh lantik dia. Itu hak asasi seseorang untuk menyertai mana-mana NGO dan parti politik," jelas Teng.

Selangor Kini difahamkan pembahagian kuota bagi semua PBT adalah 75 peratus calon yang dicadangkan parti politik, manakala 25 peratus calon dicadangkan NGO yang sah berdaftar dengan Pendaftaran Pertubuhan (ROS).

Teng berkata, pencalonan harus dilihat sebagai satu penghormatan, dan bukan sebagai hak.